

**Penghayatan agama
mampu bentuk
nilai murni remaja**

B/H 24/6/1
MS 40

REMAJA ialah golongan yang mendominasi jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Menjelang 2020, bilangan ini dianggarkan akan meningkat kepada 20 juta. Belia sering dilabelkan sebagai aset berharga negara jadi tidak hairanlah setiap negara mengimpikan untuk melahirkan belia cemerlang.

Kita mengakui krisis sosial membabitkan remaja di negara ini dan perkara itu tidak sepatutnya dipandang sambil lewa. Masalah ini bukan masalah kecil kerana remaja bakal mewarisi pemerintahan negara.

Ibnu Khaldun pernah mengatakan, jika ingin melihat masa depan sesebuah negara maka lihatlah anak mudanya pada hari ini.

Remaja juga sering dikaitkan dengan mereka yang mempunyai perasaan ingin tahu, mencuba dan memberontak jika apa diinginkan tidak selari arahan serta kehendak ibu bapa. Remaja yang tidak dapat mengawal perasaannya akan mudah terjebak gejala sosial yang negatif.

Kenakalan remaja merujuk perbuatan dan aktiviti bertentangan norma masyarakat, undang-undang negara dan agama. Masalah seperti gangsterisme, buli, melepak, ponteng sekolah, merokok,

pergaulan bebas, berzina, buang anak, penyalahgunaan dadah dan pil khayal dikatakan isu remaja.

Banyak sebab dikatakan punca keruntuhan moral remaja seperti asuhan dan kawalan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, keadaan persekitaran serta peranan media dan pelbagai dorongan yang datang hasil perkembangan semasa.

Justeru, strategi mengatasi masalah seharusnya ditumpukan pada faktor penyebab seperti pentingnya ibu bapa memberikan perhatian serius terha-

dap anak mereka. Ibu bapa mesti memerhati setiap gerak-geri atau pergerakan anak dan mengetahui rakan pergaulan mereka.

Selain itu penghayatan terhadap agama, nilai murni perlu ditingkatkan kerana anak yang mengikut ajaran agama akan membentuk keperibadian mulia. Oleh itu, untuk anak menjadi insan soleh dan solehah, ibu bapa perlu menunjukkan contoh teladan yang baik.

Sistem perundangan di sekolah juga perlu diwujudkan. Peruntukan undang-undang di peringkat sekolah, boleh menimbulkan rasa takut dalam kalangan pelajar di samping mengurangkan beban dan tanggungjawab pihak sekolah mengawas disiplin.

Penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa seperti polis perlu digunakan untuk mendisiplinkan remaja. Jika ada masalah semua pihak perlu merujuk kepada pihak berkuasa dan undang-undang.

Langkah pencegahan yang bersesuaian seperti kaunseling pada peringkat sekolah penting dalam membantu remaja mengatasi masalah mereka. Program ini akan lebih bermakna jika kaunselor berkecualan dan berpengalaman dilantik memantapkan pelaksanaan kaunseling

yang berkesan.

Remaja hari ini perlu menghiasi diri dengan ilmu yang kukuh, keimanan ampuh dan misi utuh. Ketiga-tiga senjata ini perlu untuk memperkukuhkan peribadi kumpulan yang menjadi aset negara baik dari segi sosial, agama, bangsa dan negara.

Bekalan ilmu dapat membantu mengharungi cabaran hidup masa kini dan alangkah ruginya jika zaman remaja tidak dimanfaatkan sebaiknya. Usia remaja hanya datang sekali dalam kehidupan, maka hargailah usia remaja itu.



Banyak sebab dikatakan punca keruntuhan moral remaja seperti asuhan dan kawalan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, keadaan persekitaran serta peranan media dan pelbagai dorongan yang datang hasil perkembangan semasa. Justeru, strategi mengatasi masalah seharusnya ditumpukan pada faktor penyebab seperti pentingnya ibu bapa memberikan perhatian serius terhadap anak mereka. Ibu bapa mesti memerhati setiap gerak-geri atau pergerakan anak dan mengetahui rakan pergaulan mereka

